



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 5 (8)
Tarikh : **07** Mac 2022

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 2
TAHUN 2022**

**PELAKSANAAN KURIKULUM PERSEKOLAHAN MULAI KALENDAR AKADEMIK
SESI 2022/2023**

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan Mulai Kalender Akademik Sesi 2022/2023.

2. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah mula dilaksanakan pada tahun 2017. Namun, apabila pandemik COVID-19 tercetus pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Dokumen Penajaran Kurikulum (DPK) yang telah dijajarkan dengan KSPK (Semakan 2017), KSSR (Semakan 2017) dan KSSM sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. DPK yang berfokus kepada kandungan asas, kandungan pelengkap dan kandungan tambahan turut dijadikan sebagai rujukan dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan program KPMPerkasaKU.

3. Selaras dengan pengoperasian institusi pendidikan Kalender Akademik Sesi 2022/2023, KPM memutuskan supaya pelaksanaan KSPK (Semakan 2017), KSSR (Semakan 2017) dan KSSM kembali menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sepenuhnya.

4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia